

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	18 MAY 2016

Mereka bekerja untuk Dr. Mahathir - Mohd. Amar

UM
18/5/2016

KOTA BHARU 17 Mei - Pas menyifatkan parti pembangkang yang berpakat dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebenarnya bekerja untuk bekas Perdana Menteri itu.

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah berkata, Dr. Mahathir selama ini sekadar mempergunakan parti pembangkang bagi menjayakan agenda beliau yang dilihat tidak memberi sebarang kelebihan kepada pihak pembangkang berkenaan.

“Bagi kami, mereka yang bersama Dr. Mahathir sebenarnya bekerja untuk beliau. Hakikatnya, mereka menyokong usaha Mahathir mempertahankan UMNO sebab agenda beliau ialah demi survival UMNO,

bukan demi rakyat. Bagi kita, kalau Najib kekal, UMNO lebih mudah dijatuhkan,” katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini hari ini.

Semalam, bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar

Ibrahim menulis surat lapan halaman menyatakan kekusaran tentang penglibatan pembangkang khususnya PKR dalam gerakan Deklarasi Rakyat.

Anwar melalui surat itu meminta pemimpin PKR agar berwaspada dengan muslihat Dr. Mahathir yang mengetuai gerakan tersebut

yang kononnya bertujuan menjatuhkan Perdana Menteri.

Mengulas lanjut, Mohd. Amar yang juga Timbalan Menteri Besar Kelantan menegaskan, agenda sebenar Dr. Mahathir ialah memperkuatkan UMNO dengan cara menjatuhkan Najib.



MOHD. AMAR